**ANTONIM**

*Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.*

1. Hasraf ***mencurigai*** apa yang telah dilakukan oleh Amin terhadapnya selama ini. Perkataan berlawan bagi ***mencurigai*** ialah ________________.

   A menganuti  
   B mempercayai  
   C mentauhidkan  
   D mengharapkan

2 Pengawal tidak membenarkan sesiapapun ***masuk*** melalui pintu itu kecuali mereka yang dibenarkan sahaja. Perkataan berlawan bagi ***masuk*** ialah ____________.

   A redah  
   B keluar  
   C rempuh

3 Ramai perajurit yang ***setia*** kepada sultan Melaka telah terkorban dalam pertempuran antara tentera Protugis. Perkataan berlawan bagi ***setia*** ialah _____________.

   A akur  
   B zalim  
   C bengis  
   D derhaka

***Soalan 4*** *berdasarkan gambar di bawah.*



4 Kapal kargo yang penuh muatan dagangan sedang ***berlabuh*** itu milik Syarikat Melati Jaya Berhad. Perkataan berlawan bagi ***berlabuh*** ialah ______________.

   A belayar  
   B berhenti  
   C berlepas  
   D mendarat

5 Ulat beluncas gemar makan bahagian tumbuh-tumbuhan yang ***lembut*** dan hijau. Perkataan berlawan bagi ***lembut*** ialah ________________.

   A keras  
   B pejal  
   C padu  
   D kuat

6 Mangsa tsunami itu berasa ***sedih*** kerana banyak barangnya telah rosak. Perkataan berlawan bagi ***sedih*** ialah ________________.

A sukacita
B senyum
C bangga
D ketawa

7 Kakak ***menyorong*** kerusi itu kepada Amran. Sementara itu, Yusri sudah ***terlena*** daripada tidurnya. Perkataan berlawan bagi ***menyorong*** dan ***terlena*** ialah _________.

A menarik ... terjaga
B memberi ... tertidur
C meletak ... tercokoh
D mengambil ... terduduk

***Soalan 8*** *berdasarkan gambar di bawah.*



8 Encik Rahmat ***membatalkan*** hasratnya hendak membeli kereta Proton Waja . Perkataan berlawan bagi ***membatalkan*** ialah ________________.

A menafikan
B mengesahkan
C mengumumkan

9 Pemuda itu telah dilantik sebagai pekerja ***sementara*** di Kilang Percetakan Majujaya. Perkataan berlawan bagi ***sementara*** ialah _____________.

A kekal
B kemas
C. kejap
D. kukuh

10 Askar-askar berdiri ***tegak,*** ketika perbarisan itu diperiksa oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong sempena Hari Angkatan Tentera Malaysia. Perkataan berlawan bagi ***tegak*** ialah ______________.

A condong
B bongkok
C bengkok
D lengkong

11. Ayah bercadang untuk mengubah suai ruang dapur yang ***sempit*** itu.
Perkataan berlawan bagi ***sempit*** ialah __________.

A luas C banyak
B lebar D panjang

12. Suri menghayati lagu kegemarannya sambil ***memejamkan*** mata.
Perkataan berlawan bagi ***memejamkan*** ialah __________.

A meluaskan C menjernihkan
B mencelikkan D mengenyitkan

13. Sampan yang bocor itu ***tenggelam*** ke dasar sungai.
Perkataan berlawan bagi ***tenggelam*** ialah __________.

A timbul C hilang
B hanyut D hangus

14. Warga emas yang ***uzur*** mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Perkataan berlawan bagi ***uzur*** ialah __________.

A teguh C kuat
B tegak D sihat

15. Rumah Nek Siti ***sunyi*** setelah cucu-cucunya pulang.
Perkataan berlawan bagi ***sunyi*** ialah __________.

A bising C nyaman
B sepi D kuat

16. Ibu menasihati adik supaya tidak ***boros*** apabila berbelanja.
Perkataan berlawan bagi ***boros*** ialah __________.

A jimat C simpan
B kurang D kedekut

17. Wardina ***enggan*** menceritakan masalahnya kepada Salmi.
Perkataan berlawan bagi ***enggan*** ialah __________

A malas C sudi
B pasti D izin

18. Pada zaman ***dahulu*** sampan digunakan sebagai pengangkutan utama. Perkataan berlawan bagi ***dahulu*** ialah __________.

A moden
B canggih
C lampau
D sekarang

19. Sejak berkerja di bandar, abang ***jarang*** pulang ke kampong. Perkataan berlawan bagi ***jarang*** ialah __________.

A kerap
B rapat
C dekat
D serik

20. Ayah menggantikan tali ampaian yang ***kendur*** itu dengan yang baru. Perkataan berlawan bagi ***kendur*** ialah __________.

A keras
B lepas
C tegang
D panjang.

21. Syarikat percetakan itu telah ***ditubuhkan*** sejak dua puluh tahun yang lalu. Perkataan berlawan bagi ***ditubuhkan*** ialah __________.

A dibatalkan
B ditutupkan
C dimusnahkan
D dibubarkan

22. Kenangan pahit pada zaman penjajahan Jepun dulu ***abadi*** dalam ingatan Tuk Kelana. Perkataan berlawan bagi ***abadi*** ialah __________.

A kekal
B sementara
C kukuh
D lenyap

23. Wak Seman yang ***bakhil*** itu mengalami kerugian apabila gudang berasnya dirompak pada minggu lepas. Perkataan berlawan bagi ***bakhil*** ialah __________.

A kedekut
B pemurah
C penjimat
D pemboros

24. Ayah mengingatkan Asri supaya ***berwaspada*** menggunakan mesin pemotong rumput. Perkataan berlawan bagi ***berwaspada*** ialah __________.

A berhati-hati
B lalai
C ingat

25. Cikgu Rajesh berasa ***was-was*** setelah mendengar keterangan yang telah diberikan oleh Azmi mengenai kehilangan buku perpustakaan itu. Perkataan berlawan bagi ***was-was*** ialah __________.

A yakin
B ragu-ragu
C syak
D ikhlas

26. Sebagai pekerja yang ***setia*** Pak Daud tidak sanggup mengkhianati majikannya. Perkataan berlawan bagi ***setia*** ialah __________.

A jahat
B degil
C garang
D curang

27. Said ***mengajak*** abangnya berkhemah di Gunung Tebu bersama dengan kawan-kawannya. Perkataan berlawan bagi ***mengajak*** ialah __________.

A menghalau
B menjemput
C mengheret
D menarik

28. Encik Yazir membatalkan rancangannya untuk membawa murid-muridnya ke bilik komputer kerana ***kesuntukan*** masa.
Perkataan berlawan bagi ***kesuntukan*** ialah ____________.

A kelemahan
B ketiadaan
C kelebihan
D kekurangan

29. Pokok bunga itu ***segar*** semula selepas disiram air.
Perkataan berlawan bagi ***segar*** ialah __________.

A layu
B pucat
C suram
D letih

30. Kehidupan keluarga Mak Munah yang ***melarat*** itu mendapat simpati orang ramai setelah tersiar dalam akhbar harian.
Perkataan berlawan bagi ***melarat*** ialah __________.

A. selesa
B. susah
C gembira
D senang

31. Mereka bekerjasama untuk melakukan kerja-kerja ***menyokong*** bumbung pondok itu.
Perkataan berlawan bagi ***menyokong*** ialah________________.

A membina
B memasang
C merobohkan
D merobekkan

32. Hanya murid yang bersemangat ***kental*** akan dipertimbangkan untuk menyertai program kembara itu.
Perkataan berlawan bagi ***kental*** ialah __________.

A lemah
B longlai
C lembut
D lesu

*Soalan 33 berdasarkan gambar di bawah*.



33. Perkataan **berlawan** bagi aktiviti yang sedang dilakukan oleh murid-murid itu ialah ________________.

A menyeberangi
B menempuhi
C merentasi
D menuruni

34. Kain itu mahal kerana hasil buatannya sangat ***halus.***
Pilih perkataan berlawan bagi ***halus***

A nipis
B kasar
C keras
D jarang

35. Lampu di dalam bilik itu ***terpadam*** secara tiba-tiba.
Pilih perkataan berlawan bagi ***terpadam***

A menyalakan
B bersinar
C bersilau
D mengerlip

36. Persatuan Bulan Sabit Merah sekolah itu telah ***ditubuhkan*** pada tahun lepas.
Perkataan berlawan bagi ***ditubuhkan*** ialah ______________.

A ditutupkan
B dibatalkan
C dibubarkan
D dimansuhkan